

Last updated on 24 December 2019

HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD
“Peraduan TIA-i sempena Tahun Baru Cina untuk iPhone 11 64GB”

TERMA DAN SYARAT PROMOSI

Terma dan Syarat Akaun Peserta Berjangka-i daripada Hong Leong Islamic Bank (“TIA-i”) ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Am TIA-i dan sebarang terma-terma dan syarat-syarat lain yang relevan sebagaimana yang dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“HLISB” atau “Bank”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum dilaksanakan, termasuk undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang terpakai ke atas HLISB.

Terma dan Syarat ini hanya terpakai ke atas TIA-i, iaitu Akaun Peserta Tidak Terhad (UA) yang membenarkan langganan dana serta pengeluaran dilakukan melalui Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong (“Hong Leong Connect”).

“Peraduan iPhone 11 64GB Sempena CNY Untuk Langganan TIA-i” HLISB (“Promosi”) ini akan bermula dari 8 Januari 2020 dan berakhir pada 18 Februari 2020, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma & Syarat

Terma dan Syarat Promosi adalah seperti berikut:-

1. Promosi terbuka kepada individu dan perniagaan tunggal (“Peserta”) yang merupakan pemegang akaun utama bagi Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“CASA-i”) / Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong Bank Berhad (“HLBB”) (“CASA”) dan yang telah mendaftarkan diri untuk Hong Leong Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Untuk menyertai peraduan, peserta dikehendaki melanggan TIA-i dalam tempoh peraduan, dari 8 Januari 2020 hingga 18 Februari 2020
3. Pemegang Akaun Bersama CASA-i / CASA tidak layak untuk membuka atau mengendalikan TIA-i dan tidak layak menyertai Promosi ini.
4. Tiada batasan untuk bilangan penyertaan yang dibuat semasa tempoh peraduan, namun, setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja.
5. Peraduan ini hanya sah untuk langganan baru yang dibuat semasa tempoh peraduan
6. Peserta yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB / HLBB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.

7. Peserta yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLISB / HLBB berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi ini.
8. Kakitangan Jabatan Investment Account tidak layak menyertai peraduan ini.

Mekanisme Promosi

9. Untuk peserta yang mempunyai CASA-i / CASA dengan pihak HLISB / HLBB, Bank hanya boleh menerima Langganan dana yang dibuat melalui Hong Leong Connect dari CASA-i / CASA. Peserta tanpa CASA-i / CASA dengan pihak Bank dikehendaki membuka CASA-i sebelum melanggan TIA-i.
10. Untuk menyertai Peraduan ini, peserta hendaklah melanggan TIA-i. Untuk setiap langganan berjumlah RM 5,000, peserta layak mendapat satu tiket penyertaan. Peserta boleh meletakkan jumlah pesertaan yang lebih tinggi untuk mendapatkan lebih banyak tiket penyertaan.

Peraduan ini boleh diilustrasikan seperti berikut:

Jumlah Pesertaan	Tiket Penyertaan
Satu Pesertaan berjumlah RM5,000	1
Satu Pesertaan berjumlah RM15,000	3
Satu Pesertaan berjumlah RM17,000	3
Tiga Pesertaan berjumlah RM RM5,000 setiap satu	3

11. Pelanggan yang memenuhi kriteria yang tersebut berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama Peraduan berikut:

Hadiah	Ganjaran	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama Peraduan	iPhone 11 64GB	3

Pemilihan Dan Pemenuhan Pemenang

12. Pemenang akan dipilih melalui cara berikut:
 - a) Pelanggan Layak yang telah melanggan TIA-i semasa Tempoh Promosi dan memperolehi tiket penyertaan mengikut Klausa 10 di bawah Mekanisme Peraduan akan disenarai pendek untuk Hadiah (“Pelanggan Tersenarai”).
 - b) Pelanggan Tersenarai akan dihubungi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“SMS”) oleh Pengurus Peraduan yang dilantik atas usaha terbaik sebanyak SEKALI sehari pada bila-bila masa pada waktu pejabat (Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 5:00 petang) melalui nombor telefon terkini yang direkod dalam sistem HLISB untuk menjawab satu (1) soalan dalam tempoh masa terpantas.

- c) Pelanggan Tersenarai Pendek akan terlepas peluang untuk menyertai Peraduan ini jika Pelanggan yang Disenarai Pendek tidak Berjaya menjawab soalan / tidak menjawab soalan yang dikemukakan oleh HLISB atau Pengurus Peraduan melalui SMS dalam tempoh satu (1) hari calendar.
- d) Tiga (3) Pelanggan Disenarai Pendek pertama yang telah berjaya menjawab SMS dengan jawapan yang betul mengikut format dan dalam tempoh masa terpantas seperti yang diarahkan oleh Pengurus Peraduan dianggap sebagai Pemenang Hadiah (“Pemenang”).
- e) Pelanggan Disenarai Pendek akan menanggung kos SMS yang dikenakan semasa menyertai Peraduan ini.
- f) HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau penerimaan sebarang SMS ke atau daripada mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelanggan Disenarai Pendek tidak dapat menyertai Peraduan ini.

13. Pengumuman Pemenang dan penyerahan Hadiah adalah seperti berikut (“Pengumuman Pemenang”):

Pemenang	Pengumuman Pemenang	Penyerahan Hadiah
Hadiah Utama Peraduan	Dalam tempoh 60 hari hari bekerja selepas tamat Tempoh Peraduan	Setiap pemenang dikehendaki menghadiri Majlis Penyerahan Hadiah dalam tempoh masa seperti yang ditentukan oleh Pihak Bank sejurus pemenang diumumkan.

14. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak bank sama ada secara bertulis, melalui telefon, pesanan perkhidmatan ringkas (“SMS”) atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Pihak Bank (“Pemberitahuan Pemenang”) berdasarkan usaha terbaik menghubungi ke nombor telefon terkini yang direkod dalam sistem HLISB.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pelanggan bertanggungjawab untuk menyediakan nombor telefon dan alamat terkini kepada Pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya tidak dapat menghantar / menyampaikan Pemberitahuan Pemenang disebabkan nombor telefon atau alamat yang tidak sah atau tidak tepat yang diberikan oleh Pelanggan, atau SMS yang tidak dapat dihantar kerana apa jua sebab. Perkhidmatan SMS untuk Peraduan ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad 199901007872 (482772-D), vendor SMS yang dilantik secara rasminya oleh Bank (“M3 Tech”).

15. Di samping itu, Pemberitahuan Pemenang (E.g Nama dan nombor Mykad/passport dalam bentuk terlindung (“ID”) akan diumumkan melalui laman sesawang Hong Leong Islamic Bank www.hlisb.com.my/TIA-iwinners dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Klausa 13 Pemilihan Pemenang dan Pemenang Hadiah.

16. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam memaparkan sebarang langganan TIA-i dalam akaun pelanggan yang layak, di mana

kegagalan tersebut boleh menyebabkan Pelanggan tersebut tidak layak untuk menyertai Peraduan

17. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga dan di luar kawalan Bank dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran daripada mana-mana pembekal atau pembekal pihak ketiga (jika ada).
18. Bagi mengelakkan keraguan, ia adalah menurut budi bicara pihak bank untuk menentukan sama ada Pemenang berhak menerima sebarang Hadiah Peraduan dan sebarang pertikaian yang berkaitan dengan keputusan HLISB tidak akan dilayan.
19. Pemenang TIA-i CASA-i/CASA mestilah aktif dan sah, serta tidak boleh melanggar mana-mana terma dan syarat Peraduan ini dan terma dan syarat umum TIA-i sewaktu tempoh pemberian hadiah, sekiranya gagal, hadiah tersebut boleh diambil semula oleh HLISB, tiada penggantian atas pemilihan baru sekiranya berlaku pelucutan hak.
20. Semua hadiah hendaklah diterima seadanya oleh pemenang. Hadiah tidak boleh ditukar dan HLISB berhak untuk menggantikan hadiah dengan apa-apa hadiah lain
21. Hadiah akan disampaikan tidak lebih dari 60 Hari Bekerja selepas tamat Tempoh Peraduan. Pemenang dikehendaki menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh HLISB. Sekiranya gagal, HLISB berhak untuk mengambil semula hadiah tersebut.

General

22. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Peraduan bersetuju:
 - i) Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Peraduan
 - ii) Kesemua Penyertaan Peraduan yang berjaya dan telah direkodkan oleh pihak Bank adalah muktamad, mengikat secara keseluruhan dan konklusif terhadap semua peserta.
 - iii) Bersetuju untuk melayari laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my (“Laman Sesawang HLISB”) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S, dan sentiasa dikemaskini bagi sebarang perubahan atau variasi kepada T & S.
 - iv) Memberi kebenaran kepada HLISB untuk mendedahkan atau menyiarkan nama, nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara ("KP") (dalam bentuk terlindung) dan/atau gambar dalam laman web HLISB
 - v) Memberi kebenaran kepada HLISB untuk mengumpul dan menyiarkan maklumat peribadi (i.e nama, Nombor KP, alamat email, dan/atau nombor telefon, di mana berkenaan) kepada Pengurus Peraduan untuk SMS sebagaimana difikirkan sesuai oleh Pihak Bank untuk tujuan Peraduan ini.

23. HLISB berhak:

- i) Menambah, memadam atau menukar T&S ini, keseluruhannya atau sebahagiannya, atau untuk mengantung atau menamatkan Peraduan ini di atas budi bicara, dengan memuat naik notis pada Facebook rasmi Hong Leong Bank, laman sesawang Bank atau di mana-mana saluran yang dianggap praktikal oleh pihak Bank, akan memaklumkan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari calendar notis terlebih dahulu kepada peserta tentang penambahan, pemadaman atau penukaran T&S tersebut atau penamatan Peraduan ini;
- ii) Membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak untuk menyertai Peraduan ini atas apa jua sebab sebagaimana menurut budi bicara mutlak HLISB.

24. Semua Terma dan Syarat yang mengawal pengendalian TIA-i milik peserta akan terus terpakai melainkan sekiranya Terma dan Syarat tersebut diubah atau dipinda.

25. Hadiah Utama Peraduan yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web HLISB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Mana-mana alat atau kelengkapan yang dipaparkan dengan Hadiah adalah untuk tujuan hiasan semata-mata dan tidak menjadi sebahagian daripada Hadiah.

26. Bagi mengelakkan keraguan, Bank tidak memberi representasi atau waranti dari segi kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kondisi dan / atau penggunaan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang kehilangan, kecurian atau kerosakan). Pemenang akan berurusan secara langsung dengan penjual untuk sebarang pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berhubung dengan Hadiah tanpa merujuk kepada Bank.

27. T&S ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Peserta Peraduan bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia secara tidak eksklusif.

28. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat terkandung dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma dan Syarat muktamad dalam laman sesawang HLISB akan diutamakan.

29. T & S di dalam ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat Am untuk Akaun bagi Hong Leong Islamic Bank sebagai perjanjian keseluruhan. Jika terdapat apa-apa percanggahan, T & S pada laman web Peraduan akan diguna pakai kepada percanggahan itu.

30. Terma dan Syarat Am yang digunapakai untuk Promosi ini boleh didapati di www.hlisb.com.my/IA-i

31. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan yang merujuk kepada bilangan tunggal merangkumi bilangan jamak dan sebaliknya

PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”)